

15 Jun, 2011 13:23 PM

## **Memulihara Biodiversiti Marin Malaysia**

Oleh Nur Firdaus Abdul Rahim

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Baru-baru ini beberapa wakil media mendapat peluang mengikuti operasi penguatkuasaan oleh Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) di perairan Pulau Tioman dalam usaha memulihara khazanah biodiversiti marin negara.

Operasi dijalankan dengan menggunakan tiga kapal peronda, diketuai oleh Kapal Taman Laut 1 Permata (KTL 1 Permata) dan dua lagi bot peronda laju taman laut (PTL), PTL 1 dan PTL 4.

Manakala pegawai penguatkuasa yang mengetuai operasi ialah Mohd Asri Awalluddin, yang berpangkat Pegawai Memerintah Atas Kapal bersama lapan lagi anak kapal yang terdiri daripada anggota penguatkuasa dan dua jurutera enjin.

Enjin ketiga-tiga kapal dihidupkan tepat pukul 9.30 malam dan kami bergerak meninggalkan Jeti Taman Laut Pulau Tioman menuju ke arah utara Pulau Tioman.

Masa dan halatuju pasukan penguatkuasa ini dirahsiakan bagi memastikan kejayaan operasi.

### **KEPENTINGAN PENGUATKUASAAN TAMAN LAUT**

Merungkai kepentingan operasi penguatkuasaan di perairan taman laut di negara ini, Ketua Pengarah JTLM Dr Sukarno Wagiman berkata operasi penguatkuasaan adalah kaedah terbaik bagi kerajaan untuk terus melindungi khazanah biodiversiti yang dimiliki Malaysia.

Malaysia dianugerahkan perairan yang mengandungi pelbagai spesies kehidupan marin yang indah, sesuai dengan tarafnya antara 12 negara yang mempunyai kehidupan mega biodiversiti terbesar di dunia.

Perlindungan berterusan diperlukan memandangkan kehidupan marin terdedah kepada ancaman aktiviti manusia dan fenomena alam seperti El-Nino dan peningkatan suhu global yang menjurus ke arah kemusnahan.

Justeru, sebagai langkah pencegahan, sebanyak 42 kawasan perairan di Malaysia iaitu di Terengganu, Pahang, Johor dan Kedah diwartakan sebagai taman laut dan ini bermakna kawasan yang diwartakan itu adalah zon larangan bagi sebarang aktiviti menangkap ikan menurut peruntukan di bawah Akta Perikanan 1985 (Pindaan 1994).

Di bawah peruntukan itu, "mana-mana orang yang melakukan kesalahan menangkap ikan di kawasan larangan Taman Laut boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya sekali," katanya.

Pada tahun 2010, anggota penguatkuasaan JTLM menangani sebanyak 47 kes yang melibatkan pelbagai kategori kapal dan kesalahan.

Kapal yang menggunakan pukut tunda adalah kapal yang mencatatkan kes kesalahan tertinggi iaitu 65 peratus keseluruhan kes tangkapan diikuti pukut hanyut (13 peratus), pukut jerut (11 peratus) dan lain-lain 11 peratus dan melibatkan jumlah kompaun RM111,800," katanya.

## **PENGUATKUASAAN MIKRO**

Menyedari aktiviti pelancongan di sekitar taman laut juga mampu membawa kemusnahan kepada terumbu karang, JTLM juga pada tahun ini banyak bertegas dalam penguatkuasaannya dan meningkatkan penguatkuasaan mikro di semua taman laut dengan memberi tumpuan kepada kerosakan terumbu karang secara langsung dan tidak langsung.

"Jika sebelum ini penguatkuasaan tertumpu kepada aktiviti pencerobohan nelayan di taman laut, penguatkuasaan mikro akan melibatkan pengawasan aktiviti rekreasi dan kesalahan melibatkan pelancong dan orang awam.

"Pihak penguatkuasa akan bertindak secara terus memantau segala aktiviti dalam air terutama di kawasan perairan taman laut. Sebagai contoh mengawasi aktiviti pelancong seperti 'snorkeling' dan skuba yang boleh merosakkan batu karang dan hidupan lain," katanya.

Dr Sukarno menjelaskan, pemantauan di tempat tumpuan pelancong dan orang awam dengan menggunakan perkhidmatan penyelam JTLM yang bertauliah juga akan ditingkatkan bagi memastikan penguatkuasaan mikro dapat terus melindungi kehidupan marin daripada terus terancam.

"Kerjasama daripada pengendali pelancongan dan pengusaha chalet sekitar taman laut juga kita jalinkan, dengan mereka bertindak sebagai pemberi maklumat dan menasihatkan kepada pelancong tentang apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan di taman laut," katanya.

## **KAPAL 1 PERMATA MANTAPKAN OPERASI**

Semasa operasi berlangsung Mohd Asri memberitahu wakil-wakil media bahawa operasi penguatkuasaan JTLM kini dimantapkan lagi dengan kewujudan kapal KTL 1 Permata yang mampu beroperasi dalam cuaca buruk khasnya semasa musim tengkujuh, musim di mana para penceroboh giat menjalankan aktiviti yang dilarang di sekitar taman laut.

"Sejak penyerahannya kepada JTLM Disember tahun lepas, sebanyak lapan tangkapan berjaya dilakukan terhadap penceroboh termasuk nelayan asing yang terlibat dalam aktiviti penangkapan ikan menggunakan pelbagai jenis pukot di perairan Pulau Tioman," katanya.

Berkeupayaan bergerak sejauh 900 kilometer atau 500 batu nautika, kapal ini mempunyai kelajuan maksimum 34 knot, dengan kemampuan membawa muatan air tawar sehingga 1,000 liter dan bahan bakar sehingga 6,000 liter selain sistem pemantau Global Positioning System (GPS).

Dibina oleh sebuah syarikat perkapalan tempatan iaitu Kejuruteraan Kapal Masai (KKM) Sdn Bhd, kapal ini boleh memuatkan sehingga 16 orang kru pada satu-satu masa.

Dilengkapi enjin jenis MAN V12-1360BHP @ 2300 RPM, dengan 1100 kuasa kuda dan mempunyai sistem jet air, kapal ini telah melalui ujian di laut bagi memenuhi syarat kontrak dan prestasi kapal sebelum penyerahannya.

"Pendek kata, KTL 1 Permata, akan menjadi tonggak utama JTLM dalam pelaksanaan operasi penguatkuasaannya di seluruh taman laut di negara ini," katanya.

## **PENCEROBOH TIDAK DAPAT DIKESAN**

Kapal KTL 1 Permata meluncur laju dengan kelajuan 16 knot, penulis dan tiga rakan media lain yang duduk di bahagian atas kapal mula terasa ayunan yang kuat kesan kelajuan bot yang membelah arus deras perairan Pulau Tioman, dengan destinasi menuju ke arah Kampung Juara, timur Pulau Tioman.

Pelbagai perasaan dan persoalan mula bermain di minda apakah yang akan terjadi sekiranya kami bertemu dengan penceroboh ataupun nelayan asing? Kami hanya tunggu dan lihat.

Seketika kemudian kami berlegar-legar di sekitar kawasan itu, namun malangnya pada malam itu terpaksa pulang dengan tangan kosong apabila operasi yang berakhir pada 12.30 pagi itu tidak menemukan kami dengan sebarang aktiviti pencerobohan di sekitar dua batu nautika perairan Pulau Tioman.

Dalam perjalanan pulang ke jeti, kami terserempak dengan sebuah bot nelayan tempatan dipercayai dari Pahang berdasarkan plat 'C' di badan kapal.

Bagaimanapun, setelah bot dan 200 awak-awak itu diperiksa oleh anggota penguatkuasa JTLM didapati mereka bebas daripada kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985.

Walaupun tiada tangkapan pada malam itu JTLM akan terus giat menjalankan tanggungjawab sebagai pemantau dan penjaga khazanah alam laut negara daripada terus terancam.

-- BERNAMA